

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

SEW211 - Mikroekonomi I

Masa: [3 jam]

---

Arahan:

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEPULUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Pastikan anda menjawab TUJUH (7) daripada lapan soalan daripada Bahagian A dan SATU (1) soalan dari tiga soalan di Bahagian B.
3. Soalan Bahagian A **WAJIB** mempamirkan rajah, graf dan ulasan ringkas sahaja. Soalan Bahagian B mestilah dijawab dengan bentuk esei bersama graf yang difikirkan sesuai oleh calon sendiri.
4. Jawab di atas kertas soalan, dalam ruang yang disediakan. Anda dibenar menggunakan muka surat belakang helaian yang sama jika perlu. Tiada kepilan atau lampiran kertas dibenarkan bagi Bahagian A. Jawab soalan Bahagian B dalam buku skrip jawapan sahaja.
5. Tuliskan angka giliran di setiap muka surat kertas soalan anda dan seluruh kertas soalan mestilah diserahkan bersama skrip jawapan esei dan diikat sekali.

Bahagian A (70 markah)

Jawab mana-mana TUJUH (7) soalan berikut melalui graf.

1. Andaikan seseorang pengguna, menggunakan dua produk A dan B, dengan harga masing-masing,  $P_A$  dan  $P_B$ . Andaikan juga pengguna mempunyai pendapatan  $I$  ringgit. Lain-lain faktor diandaikan tetap, apakah yang akan terjadi apabila  $P_A$  meningkat dan sekiranya A adalah barang normal, barang bawahan atau barang giffen.

(10 markah)

2. Firma yang beroperasi dalam keadaan persaingan tulen mempunyai ciri-ciri yang tertentu berbanding monopoli. Andaikan terdapat dua jenis firma ini, bagaimanakah setiap satu membuat kataputus letak harga, melalui graf. Berikan ulasan anda mengenai keseimbangan dan keuntungan firma monopoli dan firma persaingan tulen.

(10 markah)

3. Dalam jangka pendek keluk-keluk marginal memberi imbasan kepada keluk permintaan dan penawaran di pasaran yang merangkumi pertimbangan marginal pengguna dan pengeluar dalam jangka pendek, dan harga produk serta harga sumber berada dalam pasaran sempurna atau  $P_Y = \bar{P}_Y$  dan  $P_X = \bar{P}_X$ . Grafkan fenomena ini.

(10 markah)

4. Dalam keadaan sebenar semua firma menggunakan lebih dari satu sumber, dan biasanya mengeluarkan beberapa produk. Andaikan firma mengeluarkan dua produk A dan B dengan harga masing-masing  $P_A$  dan  $P_B$ , dan menggunakan dua input  $X_1$  dan  $X_2$  dengan harga masing-masing  $P_{X1}$  dan  $P_{X2}$ . Andaikan juga firma mempunyai wang operasi sejumlah TO Ringgit dan cuba memaksimumkan keuntungan. Grafkan proses firma membuat perhitungan pengeluaran. Gunakan konsep "iso" dan "sama" yang lazim.

(10 markah)

5. Apakah hukum pemaksimuman kepuasan pengguna yang menggunakan satu produk dan yang menggunakan dua (atau lebih) produk? Dengan kepastian ini, pengguna semestinya menggunakan produk ketahap maksimum dengan  $MU_Y \geq 0$ . Grafkan fenomena ini. Grafkan pendekatan pilihan ternyata dan beri ulasan kegunaan teori utiliti sut dalam teori permintaan sesuatu barang, katakan A.

(10 markah)

6. Di dalam ilmu mikroekonomi, sama ada firma menggunakan satu input atau seratus input, penggunaan satu unit tambahan input mestilah “menokok” kepada output jumlah, atau  $MPP_{xi} \geq 0$ . Justru itu, wujudlah wilayah operasi yang rasional dalam kes fungsi keluaran tiga tahap klasik dan dalam kes analisis hubungan input-input (isokuan). Grafkan kawasan yang dikatakan rasional itu bagi kes  $Y = f(X_1/\bar{X}_2 \dots \bar{X}_n)$  dan  $Y = f(X_1, X_2)$ .

(10 markah)

7. Bezakan konsep bukit utiliti dengan bukit pengeluaran. Grafkan kedudukan optimum pengguna diberikan pendapatannya dan keadaan pengoptimuman firma, diberikan belanjawan jumlahnya (TO). Adakah penyelesaian anda itu merangkumi semua jenis keluk puas-sama dan isokuan?

(10 markah)



8. Dengan andaian sebuah firma beroperasi dalam jangka pendek, dan menghadapi fungsi pengeluaran klasik 3 peringkat. Andaikan juga  $P_Y = \bar{P}_Y$  bagi harga produk dan  $P_X = \bar{P}_X$  bagi harga input. Grafkan keluk-keluk kos jumlah yang lazim dilihat dalam analisis mikroekonomi. Secara graf, tunjukkan bagaimana kos seunit output didapati, dan keluk penawaran jangka pendek output firma dihasilkan. Apa terjadi apabila teknologi memperbaiki produktiviti pengeluaran output Y diperolehi oleh masyarakat? Andaikan harga produk dan sumber berada dalam pasaran persaingan tulen.

(10 markah)

**Bahagian B** (30 markah)

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

9. Tiga kegiatan asas ekonomi yang mesti dilaksanakan dengan cekap oleh sesebuah sistem ekonomi ialah pengeluaran, pertukaran dan penggunaan. Dengan takrifan khusus kepada ketiga-tiga kegiatan tadi, tuliskan satu esei mengenai struktur pasaran produk yang lazim dilihat di dalam sesebuah ekonomi. Apakah kebaikan dan keburukan firma monopoli-monopsoni, oligopoly-oligopsoni, firma persaingan tulen dan firma persaingan bermonopoli kepada masyarakat? Apakah peranan pihak berkuasa sektor awam? Graf adalah diwajibkan.

(30 markah)

10. Dalam jangka pendek, selepas memilih julat rasional pengeluaran, satu-satu titik pengoptimuman mesti diperolehi dengan membandingkan  $MC_Y$  dengan harga seunit produk dan  $VMP_{X_1}$  dengan harga seunit sumber. Grafkan kedua-dua pendekatan pengoptimuman firma melalui kedua-dua pendekatan ini. Apakah kesan teknologi ke atas keluk-keluk kos? Adakah R & D dan teknologi di peringkat kilang dan firma penting bagi menghadapi order baru dunia di bawah WTO menjelang 2003? Bincangkan secara mendalam dari perspektif teori firma dan teori gelagat penggunaan di Malaysia.

(30 markah)

11. Kajian mikroekonomi diakhiri dengan berbagai kajian lanjutan. Antaranya teori pertukaran, teori kebajikan dan teori keseimbangan am mikroekonomi. Bagaimanakah teori firma, teori pengguna dan kegiatan kawalan pihak kerajaan melalui berbagai cukai, perlesenan, kawalan harga dan perancangan dapat diselaraskan? Berikan contoh yang sesuai berserta dengan graf bagi contoh-contoh tersebut.

(30 markah)